

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24

'Sedia hadapi saat mencabar'

'Sedia hadapi saat mencabar'

Malaysia akan terkesan jika ekonomi dunia alami kemelesetan

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
SHAH ALAM

Prospek ekonomi Malaysia pada 2023 dijangka lebih mencabar kesan daripada ketidakstabilan politik dan ekonomi dunia.

Penganalisis Ekonomi, Politik dan Hubungan Antarabangsa, Herizal Hazri berkata, sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan pintu terbuka, Malaysia akan turut mengalami kesan jika dunia antarabangsa berada dalam keadaan tidak 'sihat'.

Susulan itu tegasnya, rakyat Malaysia bakal berhadapan dengan saat-saat yang lebih mencabar dan sukar pada tahun ini.

"Tentu sekali Malaysia tidak terkecuali, kerana secara asasnya kita adalah negara yang ekonominya paling terbuka dari



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID
Program Kompas Rasuah Busters bertajuk 'Rakyat susah, salah siapa?' bersama (dari kiri) moderator, Anim Ezati Rizki, Herizal dan Helmi di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Rabu.

sudut ekonominya, kalau kita lihat di rantau Asia dan juga Asia Tenggara. Kita ini sebuah negara yang saling berdagang dengan negara lain di peringkat antarabangsa dan tentu sekali apa sahaja yang berlaku di peringkat dunia itu akan memberi kesan, impak kepada kita.

"Jadi bagi saya, apa yang dikhawarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) itu sebenarnya bukanlah sesuatu

yang janggal, banyak penganalisis ekonomi dan politik antarabangsa telah meramalkan memang kita akan melalui masa-masa yang sukar," kata beliau.

Tegas Herizal, meskipun rakyat bakal berhadapan situasi berkenaan suka atau tidak, kita semua perlu depannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel dalam Program Kompas Rasuah

Busters bertajuk 'Rakyat susah, salah siapa?' yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Rabu.

Turut menjadi panel dalam program itu ialah Setiausaha Agung Majlis Ekonomi Halal (MEH), Dr Helmi Ibrahim.

Sementara itu, Helmi ketika menyentuh mengenai perkara itu mengingatkan bahawa kita perlu bersedia dengan segala kemungkinan.

"Kita kena bersedia, kita sebenarnya tidak ada kena mengena dengan apa yang berlaku di peringkat global tetapi kita kena kesan daripadanya. Pertama, disebabkan oleh pandemik yang mana kita belum pulih sepenuhnya, diikuti perang Rusia-Ukraine di Eropah," jelas beliau.

Menyifatkan dunia sebagai sebuah perkampungan yang saling berhubung, Helmi menegaskan Malaysia tidak boleh lari daripada situasi yang dialami oleh dunia antarabangsa ketika ini.

"Ada ungkapan menyebut bahawa apa yang berlaku di peringkat global akan mempengaruhi apa berlaku di peringkat nasional dan lokal, jadi kita tidak terasing, kita hidup dalam satu perkampungan global, apa yang berlaku di sudut dunia akan terkesan kepada kita," ujarnya.